Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : RABU
TARIKH : 21/8/2019
M/SURAT : 4

Subsidi petrol bersasar diumum dua minggu lagi

PUTRAJAYA – Mekanisme pelaksanaan program subsidi petrol bersasar kepada golongan kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) akan diumumkan dalam tempoh dua minggu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, kertas kerja mengenainya sedang diperhalusi sebelum mekanisme itu diumumkan.

"Tarikh pelaksanaan program bagaimanapun tertakluk kepada keputusan dan nasihat jemaah menteri," katanya pada sidang akhbar selepas majlis himpunan bulanan kementeriannya di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kesediaan kerajaan melaksanakan program tersebut.

Saifuddin sebelum ini dilaporkan berkata, beliau sangat berpuas hati dengan tahap penyediaan kertas kerja yang disediakan dan dalam fasa akhir mengulang semak data-data kumpulan sasar bagi memastikan mereka yang benar-benar layak menerima subsidi petrol.

Dalam perkembangan lain, Saifuddin memberitahu, kementerian itu akan melihat kaedah yang dilaksanakan Taiwan dan Turki yang berupaya membendung masalah kekurangan bekalan makanan dan kenaikan harga barang keperluan secara melampau.

"Kita akan hantar pegawai-pegawai terbaik pergi kedua-dua negara itu bagi mempelajari model yang digunakan mereka dalam kawalan harga barangan pengguna," ujarnya.